

Mahathir lancar kempen "Belilah Barang Malaysia"

(P) Dr. M
KUALA LUMPUR 6 Mac - Perdana Menteri, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad akan melancarkan kempen **Belilah Barangan Buatan Malaysia** di sini 4 April depan yang bertujuan membentuk sikap nilai-nilai positif di kalangan pengguna supaya tidak prejudis terhadap barangan buatan negara.

Kempen tersebut juga bertujuan untuk menggalakkan pengilang tempatan menghasilkan pelbagai jenis barangan pengguna yang bermutu dan menggalakkan rakyat tempatan membeli lebih banyak barangan pengguna buatan Malaysia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Haji Muhyiddin Mohd. Yassin menegaskan melalui kempen tersebut pengilang-pengilang tempatan juga digalakkan menjual barangan mereka dengan harga yang berpatutan bagi memenuhi selera dan per-

UM
mintaan pengguna.

Katanya antara lain matlamat kempen itu ialah seperti berikut:

- Menggalakkan industri menggunakan lebih banyak bahan dan teknologi tempatan.

- Memupuk perasaan bangga di kalangan rakyat Malaysia terhadap usaha-usaha kerajaan dalam menggalakkan penggunaan barang-barang keluaran tempatan dan seterusnya menaikkan imej negara dan bangsa di mata dunia.

Katanya, pengeluaran barangan tempatan yang bermutu akan menghasilkan saingan yang baik baginya di pasaran dunia.

"Kejayaan barang-barang buatan tempatan menembusi pasaran dunia akan mengembangkan industri-industri tempatan dan menjadi kemegahan negara dan rakyat Malaysia," kata Haji Muhyiddin.

Menurut beliau kerajaan

7 MAR 1985
juga akan menganjurkan **Minggu Belilah Barangan Malaysia** mulai 24 Ogos hingga 31 Ogos akan datang.

Timbalan Menteri itu menambah, **Minggu Belilah Barangan - Barangan Malaysia** yang dijangka akan menjadi acara tahunan akan dipenuhi dengan kegiatan-kegiatan seperti jualan istimewa di pasaraya, pertandingan syarahan, mengarang esei dan melukis poster.

Beliau yang juga Pengurus Jawatankuasa Pemandu Kempen berkenaan memberi tahu satu pameran barangan buatan Malaysia akan diadakan secara besar-besaran di Stadium Negara dari 4 hingga 23 September depan.

Katanya, kerajaan juga akan menganjurkan pemberian anugerah untuk pengusaha-pengusaha yang berjaya mengeluarkan barangan yang bermutu tinggi

di sektor masing-masing melalui kempen yang dilancarkan itu.

Haji Muhyiddin menegaskan kempen tersebut adalah merupakan satu acara untuk memperbaiki kedudukanimbangan negara dengan mengurangkan import barangan luar negeri.